

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BIL. 1/1976.**

---

**Pemberian Milik Tanah Kerajaan Kepada Kakitangan Kerajaan  
(Surat Pekeliling Perkhimatan Negeri Kelantan Bilangan 21 Tahun 1970)**

Adalah saya dengan segala hormatnya menarik perhatian semua Pemungut Hasil Tanah kepada perkara yang diatas dan menasihatkan supaya dimasukkan Sekatan Hakmilik/Sekatan Kepentingan bagaimana di bawah ini apabila menyediakan Rang Kertas M.M.K mengenai pemberian milik tanah kepada kakitangan Kerajaan –

“ Tanah ini tidak boleh dipindah milik kecuali dengan kebenaran Pengarah Tanah dan Galian Negeri selagi pemilik ini berkhimat dengan Kerajaan”.

2. Pihak Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan telah mengeluarkan satu Pekeliling Bil.4/1971 bagaimana salinannya yang berkembar. Saya edarkan Pekeliling ini untuk makluman dan panduan semua Pemungut Hasil Tanah.
  
3. Pihak Kerajaan Negeri Kelantan telah juga mengeluarkan Pekeliling Perkhimatan Bil.21 Tahun 1970 mengenai tajuk yang sama. Satu salinan diedarkan bersama-sama ini untuk pengetahuan semua Pemungut Hasil Tanah.
  
4. Bersama-sama ini diedarkan juga salinan surat Pekeliling Perkhimatan Bil.19 Tahun 1970 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhimatan Awam Malaysia mengenai tajuk yang sama yang telah dipersetujui di pakai oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

5. Perkara ini telah dibincang dalam Mesyuarat Pemungut Hasil Tanah di Bachok pada 23.3.1976.

**(Mohd Tajol Aros b.Ahmad)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN, KOTA BHARU.**

C.L.M.Kn. 198/61/(14)

29hb. Mac, 1976.

**Kepada:** Semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah dan  
Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

**Salinan kepada**

Y.B. Dato Setiausaha Kerajaan, Kelantan.

Y.B. Dato Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Semua Pegawai-Pegawai Jajahan, Kelantan.

Juru Odit Negeri Kelantan.

Pengarah Tadbir L.K.T.N. Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.